

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI PERUBATAN**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Gred

Jadual Gaji Matriks

Gred UD47 : P1T1 RM4431.54 - P1T8 RM5882.85

SYARAT LANTIKAN Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Ijazah dalam ilmu perubatan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar sementara atau penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; atau
- (b) Calon yang dilantik di bawah Seksyen 12(1)(a)(ii) Akta Perubatan 1971 dan telah memenuhi Peraturan-peraturan Perubatan seperti perenggan 12 (1)(aa) serta telah berdaftar sementara dengan Majlis Perubatan Malaysia.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT TAMBAHAN Keutamaan diberikan kepada calon-calon yang memiliki pengalaman bekerja dalam bidang pengurusan kualiti dan risiko.